

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN CHONG CHIENG JEN
KAWASAN : STAMPIN

SOALAN NO. 117

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dengan terperinci berkenaan harga kontrak, nama kontraktor yang dilantik, kepanjangan jalan terlibat dan tahap persiapan bagi setiap pakej dalam projek penaiktarafan *Pan Borneo Highway* di negeri Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Lebuh Raya Pan Borneo (LPB) Sarawak melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala (*dual carriageway*) secara berfasa di mana Fasa 1 Projek LPB Sarawak Telok Melano hingga ke Miri kini sedang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perincian kontraktor dan status pelaksanaan sehingga bulan Jun 2020 bagi Fasa 1 Projek LPB Sarawak dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM16.117 bilion adalah seperti berikut:

- 1) Pakej Telok Melano - Sematan sepanjang 33km yang dilaksanakan oleh Samling Resources Sdn. Bhd. telah siap sepenuhnya pada bulan 6 Januari 2019;
- 2) Pakej Sematan ke Jambatan Sungai Moyan sepanjang 95km yang dilaksanakan oleh Samling Resources Sdn. Bhd. dengan status kemajuan 50%;
- 3) Pakej Bulatan Serian ke Persimpangan Pantu sepanjang 75km yang dilaksanakan oleh Zecon - Kimlun Consortium JV dengan status kemajuan 75%;
- 4) Pakej Persimpangan Pantu ke Batang Skrang sepanjang 89km yang dilaksanakan oleh Naim Engineering Sdn. Bhd. - Gamuda Berhad JV dengan status kemajuan 52%;
- 5) Pakej Persimpangan Batang Skrang ke Sungai Awik sepanjang 68km yang dilaksanakan oleh Endaya Construction S/B - Trans Resources-Pembinaan Kuantiti JV dengan status kemajuan 48%;

6) Pakej Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor sepanjang 64km yang dilaksanakan oleh PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd. - Bina Puri Holding Bhd. JV dengan status kemajuan 44%;

7) Pakej Persimpangan Bintangor ke Persimpangan Julau sepanjang 76km yang dilaksanakan oleh Hock Seng Lee - Dhaya Maju Infrastructure Asia JV dengan status kemajuan 61%;

8) Pakej Jambatan Sungai Kua ke Jambatan Sungai Arip sepanjang 63km yang dilaksanakan oleh Musyati Sdn. Bhd.-Mudajaya Group Bhd. JV dengan status kemajuan 50%;

9) Pakej Jambatan Sungai Arip ke Persimpangan Bintulu Airport sepanjang 65km yang dilaksanakan oleh KKB Engineering-WCT Berhad JV dengan status kemajuan 42%;

10) Pakej Persimpangan Bakun ke Sungai Tangap sepanjang 77km yang dilaksanakan oleh Pekerjaan Piasau Konkerit Sdn. Bhd. dengan status kemajuan 48%; dan

11) Pakej Sungai Tangap ke Jalan Pujut Link sepanjang 80km yang dilaksanakan oleh KACC Construction Sdn. Bhd.-IJM-Perbena Emas JV dengan status kemajuan 46%.

Sekian, terima kasih.